

11 DEC 1999

Umno-Kenyataan

SEMUA BAHAGIAN UMNO TERENGGANU DIARAH TIDAK KELUARKAN KENYATAAN

KUALA TERENGGANU, 11 Dis (Bernama) -- Semua bahagian Umno, pergerakan pemuda dan wanita di Terengganu diarah untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung kekalahan Barisan Nasional (BN) di negeri itu pada pilihan raya umum lepas.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Tengku Mahmud Mansor berkata arahan yang berkuatkuasa serta merta itu dikeluarkan untuk mengelakkan sebarang kejadian atau menimbulkan keadaan yang boleh menyebabkan perpecahan di kalangan anggota Umno di negeri ini.

"Semua anggota diminta bertenang dan tidak bertindak mengikut perasaan yang akhirnya boleh menyinggung perasaan anggota lain dan pemimpin di negeri ini," katanya.

Beliau berkata Badan Perhubungan Umno negeri kini menunggu laporan post mortem mengenai kekalahan BN daripada jawatankuasa khas yang ditubuhkan.

Katanya Jawatankuasa Perhubungan Umno negeri akan mengadakan mesyuarat sebaik sahaja menerima laporan itu yang dijangka siap akhir bulan ini.

Khamis lepas, Datuk Abdul Rashid Ngah, yang mengetuai jawatankuasa post mortem itu, berkata dua daripada lapan bahagian telah menyerahkan laporan masing-masing manakala enam lagi dijangka menyerahkannya dalam tempoh dua minggu ini.

Sementara itu, Umno negeri dijangka menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan depan untuk menerangkan mengenai perkembangan terbaru yang berlaku dalam parti itu di Terengganu.

Tengku Mahmud berkata perhubungan Umno negeri akan mengadakan mesyuarat akhir bulan ini bagi membincangkan pelbagai perkara yang berkait dengan parti termasuk menetapkan tarikh pertemuan dengan Perdana Menteri dan ketiadaan wakil dari Terengganu dalam kabinet baru yang diumumkan semalam.

-- BERNAMA

SN AKD